

SALAH FAHAM-KATA SULTAN KEDAH

lebih dahulu sehingga kedua-dua pihak telah melantik hakimnya dan apakala kedua-dua pihak mereka itu putus asa daripada mendapat perdamaian maka baharulah boleh dipisahkan mereka itu. Cara ini ialah cara islah yang wajib dijalankan oleh tiap-tiap kadi untuk menjauhkan sesuatu perceraian yang terkadang-kadang terbitnya daripada sebab-sebab berang Panas hati, bunting dan seumpamanya—yang semuanya itu wajib ditenangkan supaya ada perdamaian—bukan dengan segera “mesti diputuskan supaya bercerai yang tiap-tiap seorang akan menjadi syak bahawa langkah-langkah yang sedemikian itu nampaknya mencari untuk kegunaan nafkah mereka.

Perkara yang diatas ini sebenarnya hanya satu contoh jua. Banyak perkara-perkara yang terjadi yang sampai ke pengetahuan saya dan ada pula yang mengadu perkara-perkara itu kepada saya sehingga di antaranya ada yang mengadukan yang isterinya telah dikahwinkan kepada orang lain. Dengan kerana kahwin mengikut usul-usul Islam akan menodai nama baik sekalian umat Islam di sini maka saya berharap supaya pihak pertadbiran mentadbirkan jabatan juru nikah dan kahwin dengan suatu pertadbiran yang teratur dan sempurna supaya perceraian berkurang. Perbuatan sewenang-wenang tidak berlaku dan perkara-perkara yang tidak digemari tidak terjadi kerana harus jika diberikan begitu sahaja orang akan gelap. Maka dan melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan keamanan dan kesejahteraan dalam bandar ini adanya.

Harap Perhati!

Majalah Qalam bilangan yang lalu (bilangan 29) adalah diperingatkan bahawa majalah itu dicetai dan diterbitkan oleh Abdullah bin Hamid Al-Edrus dipercetakkan Qalam 356 dan 358 Geylang Road Singapura 14. Dengan ini diharap mendapat perhatian pembaca-pembaca atas kekhilafan yang tersebut.

Menurut siaran akhbar tempatan bahawa Sultan Kedah berasa dukacita atas terbitnya salah faham orang ramai atas ucapannya pada 24.9.52 yang dipandang oleh orang ramai menuduh penuntut-penuntut Melayu yang edang belajar agama di Mesir dengan perbelanjaan sendiri adalah senang dipengaruhi oleh faham komunis. Perkara ini adalah dinyatakan oleh setiausaha sulit Sultan Kedah kepada penuntut-penuntut di Mesir sebagai jawapan kepada surat-surat mereka.

Di antara lain-lain surat itu menyatakan bahawa maksud ke hadapan Duli Tuanku ialah penuntu-penuntut yang dihantar pergi belajar ilmu agama Islam di Mesir sepatutnya hendaklah diatur supaya mereka itu dapat perbelanjaan yang cukup dalam masa menuntut pelajaran di sana. Besar cederanya jika kekurangan perbelanjaan mereka kerana yang demikian tidak dapat mereka itu duduk dengan sempurna dan bercampur dengan orang yang patut-patut.

Sebaliknya oleh kerana kekurangan perbelanjaan mereka itu tidak merasai senang hati dan mudah tertarik pada kaum orang-orang yang rendah darjatnya dan di sini tidak terlindung mereka itu daripada termakan racun komunisme. Kata surat itu.

Akhirnya Sultan Kedah mengucapkan terima kasih di atas akuan penuntut-penuntut itu yang telah sedia faham segala hal komunisme dan tidak sekali-kali akan menerima hasutan atau fitnah yang datang dari pihak tersebut.

Sekianlah menurut siaran akhbar tempatan.